

Pakej umrah 'kasih sayang'

Angkasa beri peluang kepada ahli koperasi tunai umrah menerusi skim potongan gaji

MUHAMMAD SHAMSUL
ABD GHANI

KELANA JAYA

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) melancarkan pakej umrah 'kasih sayang' bagi memberi peluang kepada ahli koperasi menunaikan umrah di tanah suci menerusi skim potongan gaji.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pakej umrah di bawah Program Umrah Koop itu akan dilaksanakan menerusi kerjasama dengan syarikat pengendali umrah, Eco-



Abdul Fattah (kiri) bertukar dokumen MoU dengan Azman (kanan) pada majlis pelancaran umrah koperasi di Kelana Jaya semalam.

RITHS Leisure Travel and Tour Sdn Bhd.

"Pakej ini dibuat menerusi pinjaman koperasi. Jika ahli nak potong gaji, ikutlah. Kami akan beri pinjaman kepada mereka.

"Isu umrah ini terlalu banyak dan kita nak pastikan ahli kita tidak tertipu. Mereka selamat dan selesa dengan tawaran 'kasih sayang' ini," katanya selepas pe-

lancaran program umrah koperasi bersama Angkasa di Auditorium Wisma Ungku A Aziz di sini semalam.

Menurutnya, ia juga terbuka untuk peminjam yang ingin menghantar ibu bapa atau ahli keluarga ke Makkah.

"Kita mahu beri kemudahan kepada ahli koperasi. Mungkin ada anak-anak yang berhasrat

mahu menghantar mak dan ayah ke tanah suci. Itu menjadi hasrat kita juga," katanya.

Terdahulu, Abdul Fattah mewakili Angkasa menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Pegawai Eksekutif EcoRITHS Leisure Travel and Tours Sdn Bhd, Azman Ibrahim.

Turut hadir, Timbalan Presiden Angkasa, Kamarudin Ismail dan Timbalan Pengarah Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus Suruhanjaya Koperasi Malaysia mewakili Pengerusi Eksekutif SKM, Norhayati Nayan.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, Angkasa kini dalam rangka untuk mengukuhkan koperasi mereka di Arab Saudi.

"Kita sudah ada perbincangan dengan mereka di Maghribi baru-baru ini.

"Ia kini memasuki fasa keempat bagi memastikan koperasi kita dapat dijana semaksimum mungkin," katanya.